

KERANA MULUT BADAN BINASA: BOLEHKAH PROVOKASI DIGUNA SEBAGAI PEMBELAAN DALAM KES BUNUH?

Oleh: Dr. Anie Farahida Omar (aniefarahida@uitm.edu.my) &
Lim Jing Xie (limjingxie@unisel.edu.my)

Drama: Extraordinary Attorney Woo

Genre: Undang-Undang

Episod: 16

Pengarah: Yoo In-shik

Tempoh Tayangan: June – Ogos 2022

Rangkaian: ENA & Netflix

Ulasan: Episod 1

Sinopsis

Drama Extraordinary Attorney Woo mengisahkan seorang wanita bernama Woo Young-woo yang baru memulakan kerjaya sebagai peguam di firma guaman terkenal Hanbada. Perkara yang menarik tentang Young-woo ialah beliau merupakan seorang austistik yang memiliki kepintaran luar biasa dan ingatan fotografik sehingga berjaya menjadi pelajar paling cemerlang di Seoul National University. Young-woo dibesarkan oleh bapanya, Woo Gwang-ho, yang tidak pernah berkahwin selama ini.

Episod pertama bermula dengan menyorot kembali ke tahun 2000 ketika Young-woo masih berumur 5 tahun. Young-woo menyaksikan bapanya dipukul oleh Park Gyu-sik. Gyu-sik merupakan seorang yang panas baran, bermulut celupar, kuat cemburu dan sering menuduh Gwang-ho mempunyai hubungan sulit dengan isterinya, Choi Yeong-ran. 20 tahun kemudian, pada hari pertama bekerja, Young-woo telah bertemu semula dengan Yeong-ran (70 tahun) di firma Hanbada. Yeong-ran telah didakwa atas kesalahan cubaan membunuh suaminya (81 tahun) yang kini terlantar di hospital.

Yeong-ran menceritakan pada hari kejadian, ketika beliau sedang menggosok pakaian di ruang tamu,



Sumber: Netflix

suaminya berbaring di sofa kerana mengalami sakit kepala. Tidak lama kemudian, suami terdengar isterinya berbual mesra dengan penghantar barang. Meskipun dalam keadaan sakit, Gyu-sik terus menempelak dan menuduh isterinya curang dan bersikap seperti pelacur. Yeong-ran tidak dapat lagi menahan sabar dengan sikap cemburu suaminya. Setelah puluhan tahun mendiamkan diri, akhirnya Yeong-ran bertindak di luar kewarasan dan cuba memukul Gyu-sik dengan seterika. Gyu-sik rebah dengan serta merta, lantas dikejarkan ke hospital.

Malangnya, ketika perbicaraan sedang dijalankan, Gyu-sik meninggal dunia secara tiba-tiba setelah memberi keterangan. Pihak pendakwaan telah memohon agar dakwaan ke atas Yeong-ran diubah kepada kesalahan membunuh. Yeong-ran kini bakal berhadapan dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup.

Berdasarkan kes ini, penulis ingin mengupas persoalan “bolehkah tertuduh di dalam kes bunuh menggunakan provokasi sebagai satu pembelaan?” dari perspektif undang-undang Malaysia.

Peruntukan Undang-Undang

Jenayah bunuh termaktub di antara **Seksyen 299 hingga 309B Kanun Keseksaan (KK)**. Terdapat dua peruntukan yang relevan iaitu:

Seksyen 299 (Mematikan Orang Dengan Salah):

Barang siapa menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat hendak menyebabkan kematian atau dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian, atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan perbuatan itu menyebabkan kematian, adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah.

Seksyen 300 (Membunuhan Orang):

Kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan daripada ini, mematikan orang dengan salah ialah membunuhan orang—

(a) *Jika perbuatan... itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;*

(b) *Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan... bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang...;*



(c) *Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh..., dan bencana tubuh... itu adalah cukup... bagi menyebabkan kematian; atau*

(d) *Jika orang... itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian.*

Bagi **Seksyen 299**, sekiranya seseorang didapati bersalah dia boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan dikenakan denda, atau penjara maksimum 10 tahun atau dengan denda. Manakala kesalahan di bawah **Seksyen 300** pula membawa hukuman mati. Hal ini bermaksud, jenayah bunuh di bawah **Seksyen 300** adalah lebih berat berbanding **Seksyen 299**.

Bolehkah Provokasi Dijadikan Sebagai Pembelaan Dalam Kes Bunuh?

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 Dewan Bahasa dan Pustaka, provokasi bermaksud ‘perbuatan membangkitkan kemarahan’.

Manakala **Kecualian 1, Seksyen 300 KK** secara jelas menyatakan bahawa provokasi boleh menjadi suatu pembelaan sekiranya pesalah tersebut berada dalam keadaan hilang akal yang berpunca daripada bangkitan-marah yang besar dan mengejut (*grave and sudden provocation*) hingga menyebabkan kematian seseorang sama ada secara silap atau sengaja.

Mohd Safri et. al (2017) seterusnya menghuraikan **Kecualian 1** ini adalah tertakluk kepada 5 syarat sebelum seseorang ingin memohon pelepasan daripada kesalahan membunuhan, iaitu:

i. *Provokasi Hendaklah Disebabkan Oleh Bangkitan Marah Yang Besar Dan Mengejut*

Ujian pertama yang akan dilihat adalah mahkamah perlu menilai keseluruhan fakta dan keadaan sebelum menentukan adakah benar berlaku provokasi terhadap pesalah.

Sumber: Netflix



Manakala, ujian kedua pula adalah melihat adakah terdapat mana-mana orang yang munasabah akan turut hilang pertimbangan dan bertindak seperti yang telah dilakukan oleh pesalah? Sekiranya jawapan kepada kedua-dua ujian ini adalah 'ya', maka barulah pesalah dikatakan berjaya dalam permohonan [Kecualian 1](#) ini.

ii. Provokasi Menyebabkan Pesalah Hilang Kawalan Diri

Syarat ini memberi fokus kepada impak provokasi ke atas keadaan pemikiran (state of mind) pesalah pada waktu kejadian. Sekiranya pesalah tersebut menunggu atau mengambil masa untuk membalas dendam, maka provokasi tidak boleh terpakai sebagai pembelaan.

iii. Provokasi tidak dicari-cari atau tidak dibangkitkan dengan sengaja oleh pesalah

iv. Provokasi tidak datang daripada perbuatan yang telah dibenarkan oleh undang-undang atau dilakukan oleh penjawat awam yang menjalankan kuasanya

v. Provokasi tidak datang daripada seseorang yang melaksanakan hak pertahanan persendirian (right of private defence) yang sah di sisi undang-undang.

Kes-Kes

Di dalam kes [Chian Swee Ong v Public Prosecutor \[2010\] 5 CLJ 1](#), perayu telah meluahkan perasaan cintanya kepada mangsa, namun telah ditolak dan diejek oleh mangsa.

Gyu-sik bukan saja bermulut celupar kepada isterinya, Young-ran, malah dia turut akan memarahi sesiapa saja tanpa mengira tempat.

Selepas memberi keterangan di mahkamah, Gyu-sik terus rebah dan meninggal dunia di hospital. Young-ran kini berhadapan dengan dakwaan membunuh suaminya.

Lantaran marah dengan respon yang diberikan, perayu telah bertindak membunuh mangsa.

Perayu didapati bersalah atas kesalahan membunuh serta menerima hukuman mati di bawah [Seksyen 302 KK](#).

Perayu seterusnya membuat rayuan, tetapi Mahkamah Persekutuan telah menolak pembelaan tersebut dengan alasan bahawa penolakan cinta tidak termasuk dalam bentuk provokasi di bawah Kecualian 1. Sebaliknya, rasa putus asa telah bertukar menjadi kemarahan adalah punca sebenar yang mendorong perayu untuk membunuh mangsa.

Di dalam kes [Che Omar Mohd Akhir v Public Prosecutor \[2007\] 1 LNS 37](#) pula, perayu iaitu Che Omar, telah mengahwini seorang wanita Sarawak bernama Maray. Suatu hari tanpa pengetahuan perayu, Maray balik ke Sarawak bersama-sama anak perempuan mereka. Che Omar dikatakan telah menerima ugutan agar tidak mencari Maray serta turut diekor oleh 2 lelaki bersenjatakan pisau.

Namun Che Omar tetap ke sana dan menemui isterinya di gerai ibu Maray. Pada ketika itu, Maray sedang bersama seorang lelaki bernama Awang. Maray telah mengherdik perayu serta enggan mengikutnya pulang. Apabila disoal, Maray mengakui bahawa Awang adalah 'lelakinya'. Che Omar lantas bertindak menikam mangsa sebanyak 7 kali di bahagian dada dan belakang.

Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa provokasi tidak terpakai di dalam kes ini. Hal ini kerana, meskipun kata-kata yang dilontarkan oleh Maray itu boleh membangkitkan kemarahan, namun ia tidak menyebabkan seseorang yang munasabah itu hilang akal.

Apatah lagi, Che Omar telah lama mengesyaki isterinya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Malah, tindakan menikam bertubi-tubi itu tidak sepadan dengan provokasi yang dilakukan oleh Maray.

Berbeza pula dengan kes [Public Prosecutor v Surbir Gole \[2017\] 2 CLJ 621](#) apabila sabitan terhadap tertuduh telah diubah daripada [Seksyen 302](#) ke [Seksyen 304](#). Surbir Gole menyatakan di sepanjang tempoh bekerja, dia sering dilayan dengan buruk, didera secara mental, serta digelar dengan pelbagai nama seperti 'bodoh, lembu, gila dan anak haram' oleh mangsa. Pada hari kejadian, tertuduh ingin pulang ke Nepal kerana muh melawat ibunya yang sakit, namun mangsa menjawab "ibu yang mana satukah melahirkan anak seperti kamu?".

Kata-kata tersebut menyebabkan tertuduh berasa marah dan menikam mangsa di bahagian abdomen sebanyak 3 kali. Selepas itu, tertuduh telah mengelar pergelangan tangan dan lehernya sendiri. Mahkamah Persekutuan bahawa provokasi yang dilakukan oleh mangsa jatuh di bawah [Kecualian 1](#), maka tertuduh hanya dikenakan hukuman penjara selama 10 tahun.

Kesimpulan

Kesimpulannya, provokasi adalah suatu pembelaan yang bersifat separa (*partial defence*) sahaja. Meskipun tertuduh berjaya membuktikan terdapatnya provokasi, namun hal itu tidak bermaksud tertuduh boleh terlepas sepenuhnya daripada dakwaan membunuh. Sebaliknya, mahkamah akan mengurangkan hukuman yang lebih ringan, seperti yang dibincangkan di dalam kes Surbir Gole.

Di dalam kes Yeong-ran pula, beliau terlepas daripada tuduhan membunuh kerana Woo Young-woo berjaya membuktikan bahawa kematian Gyu-sik adalah berpunca daripada pendarahan otak (*spontaneous subdural hematoma*). Pendarahan tersebut pula berlaku akibat daripada penyakit demensia yang dialaminya, dan bukanlah daripada pukulan Yeong-ran. Syabas Woo Young-woo!

Rujukan

Kanun Kesejahteraan

M. Safri, Rohaida N. & Ramalingam R. (2017). Interpretation of Grave and Sudden Provocation In Malaysia: Journal of Academia UiTM Negeri Sembilan 5, p. 166-177

Siti Zubaidah Ismail. (2001). Provocation as a Defence in Malaysia: A Re- Examination of Its Applicability. 1 Malayan Law Journal cxci-cxcviii

